

**TINDAKAN SUSULAN
MINIT MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN (MKSP) ISO UPM KALI KELIMA
(QMS ISO 9001 KALI KELIMA DAN EMS ISO 14001 KALI KEDUA)
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
<p>Tindakan Susulan MKSP ISO UPM Kali Kelima (QMS ISO 9001 Kali Kelima dan EMS ISO 14001 Kali Kedua) seperti berikut :</p>				
1.	5.3 5.3.1 5.3.1.2	<p>Penemuan Audit Penemuan Audit QMS Audit Dalaman 2015</p> <p>Mesyuarat: (g) mengambil perhatian mengenai laporan ketakakuran yang berulang kawalan ke atas fail dan rekod yang masih lemah. Sehubungan itu, mesyuarat bersetuju supaya:</p> <p>i. rekod kualiti fail kursus dimasukkan dalam Sistem Maklumat Pelajar; dan</p>	<p>Rekod kualiti fail kursus tidak boleh dimasukkan dalam Sistem Maklumat Pelajar (SMP) kerana kapasiti SMP sedia ada tidak dapat menampung rekod kualiti fail kursus yang banyak.</p> <p>Kandungan rekod kualiti fail kursus seperti berikut adalah tidak sesuai untuk ditempatkan di dalam SMP:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kertas Soalan Ujian 1 dan Skema Jawapan (Jika berkaitan) 2. Kertas Soalan Ujian 2 dan <i>Skema</i> Jawapan (Jika berkaitan) 	Makluman

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
			<ol style="list-style-type: none"> 3. Kertas Soalan Peperiksaan Akhir dan Skema Jawapan yang telah dimoderasi/disemak 4. Senarai markah dan gred Peperiksaan Akhir. 5. Borang Kehadiran Pelajar (PU/PS/ BR03/AJR) (Kuliah dan Amali) 6. Soalan Kuiz (Jika berkaitan) 7. Senarai Tugas Pelajar (Jika berkaitan) 8. Markah Tugas (Jika berkaitan) 9. Borang Kehadiran Pelajar (PU/PS/ BR03/AJR) - (Ujian 1) 10. Rekod markah Ujian 1/penilaian (Sistem SMP) 11. Borang Kehadiran Pelajar (PU/PS/ BR03/AJR) - (Ujian 2) (Jika berkaitan) 12. Rekod markah Ujian 2/penilaian (Sistem SMP) (Jika berkaitan) 13. Borang Kehadiran Pelajar (PU/PS/ BR03/AJR) - (Peperiksaan Akhir) 14. Notis atau catatan makluman secara lisan kuliah/amali gantian (Jika berkaitan) 15. Senarai Kehadiran kuliah/amali gantian (Jika berkaitan) 16. Borang Penilaian Pensyarah Jemputan/ Penunjukajar (PU/PS/ BR05/AJR) (Jika Berkaitan) 17. Surat-surat berkaitan (Jika berkaitan) <p>Maklumat kursus yang sedia ada di dalam SMP adalah maklumat rangka kursus bagi lebih 5000 kursus di dalam Modul Bank Kursus SMP seperti berikut:</p>	

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
			<ol style="list-style-type: none"> 1. Nama Kursus 2. Kod Kursus 3. Kredit 4. Jumlah Jam Pembelajaran Pelajar 5. Prasyarat 6. Hasil Pembelajaran 7. Sinopsis 8. Kandungan Kuliah 9. Kandungan Amali 10. Penilaian 11. Rujukan <p>Bagi tujuan meningkatkan pengurusan dan pemantauan fail yang lebih berkesan, semua fakulti telah diingatkan melalui mekanisma berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Surat peringatan kepada Fakulti tentang Tindakan Pembetulan bagi Ketakakuran (NCR) dan Tindakan Penambahbaikan bagi Peluang Penambahbaikan (OFI) Proses Prasiswazah (PS) hasil Penemuan Audit Dalam UPM 2015 bertarikh 3 Jun 2015 (UPM/AKD/100/4/3) tentang penyelenggaraan fail pengajaran/fail kursus iaitu: <ol style="list-style-type: none"> (a) untuk melaksanakan semakan sendiri yang menyeluruh ke atas semua fail kursus dan fail pengajaran-pembelajaran berdasarkan cadangan pelaksanaan tiga (3) kali semakan dalam satu semester mengikut tempoh yang 	

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
			<p>ditetapkan di dalam Mesyuarat Semakan Keberkesanan Proses Prasiswazah (MSKP PS) Ke-4 dan Ke-5 seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. pemantauan pertama: antara minggu ke-lapan (8) hingga minggu ke-sembilan (9); ii. pemantauan kedua: antara minggu ke-13 hingga ke-15; iii. pemantauan ketiga: antara minggu ke-18 hingga ke-20. <p>(b) agar Fakulti Pertanian (FP) dan Taman Pertanian Universiti (TPU) mengambil tindakan yang sewajarnya bahawa Fail Kursus dan Rekod Kualiti Amalan Ladang di bawah tanggung jawab FP (bukan di bawah tanggung jawab TPU)</p> <p>[Rekod kualiti di TPU digugurkan daripada senarai rekod kualiti dalam Arahan Kerja Kursus Amalan Ladang dan Amali Kursus di Ladang (UPM/PU/PS/AK024) dan rekod kualiti di FP dikekalkan dalam Prosedur Pengendalian Kursus (UPM/PU/PS/P007) serta dalam Arahan Kerja Kursus Amalan Ladang dan Amali Kursus di Ladang (UPM/PU/PS/AK024)]</p>	

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
			<p>(c) melaksanakan pemantauan pengajaran seperti yang disenaraikan di dalam Borang Pemantauan Pelaksanaan Pengajaran (PU/PS/BR04/AJR):</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Perancangan Pengajaran yang merangkumi rancangan pengajaran, jadual pengajaran, tempoh kemasukan markah penilaian, pelaksanaan moderasi soalan peperiksaan akhir (jika perlu) dan peperiksaan akhir (soalan peperiksaan/ semakan soalan/ skema jawapan); ii. Pengendalian Pelajar Bermasalah; iii. Semakan Keperluan Fail Kursus; dan iv. Pemantauan Pengajaran di Bilik/ Dewan Kuliah (jika perlu) <p>Sekiranya fakulti melaksanakan pemantauan bagi perkara 1 hingga 3 di dalam borang PU/PS/BR04/AJR, maka secara tidak langsung NCR dan OFI bagi pengendalian pelajar bermasalah, pengurusan soalan peperiksaan, penyelenggaraan fail kursus dan rancangan pengajaran dapat dikurangkan atau dicegah.</p> <p>2. Ahli Mesyuarat Semakan Keberkesanan Proses Perkhidmatan Utama Prasiswazah (MSKP PS) Universiti Putra Malaysia kali ke-6 (Bil. 1/2015) bertarikh 9 Mac 2015 telah bersetuju agar setiap fakulti melaksanakan perkara berikut untuk</p>	

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
			<p>mengurangkan bilangan atau mencegah NCR dan OFI berulang bagi penyelenggaraan fail kursus:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) mengekalkan bilangan semakan seperti yang dipersetujui/ditetapkan, iaitu sebanyak tiga (3) kali dalam satu semester iaitu semakan pada minggu ke 8-9; 13-15; dan 18-20; dan (b) melaksanakan lebih daripada dua (2) aktiviti semakan atau pemantauan di peringkat fakulti, merujuk kepada aktiviti fakulti lain seperti yang disenaraikan berikut; selain mengeluarkan peringatan kepada pensyarah dan melantik/menyerahkan tugas kepada staf tambahan untuk tujuan pemantauan: <ul style="list-style-type: none"> i. memberi peringatan berperingkat melalui emel atau medium laman sosial yang lain tentang pemantauan tiga (3) kali yang ditetapkan (peringatan pertama, peringatan kedua dan peringatan ketiga); ii. memilih, memberi tanggung jawab khas atau melantik seorang pegawai/staf untuk melaksanakan kerja pemantauan seperti Setiausaha Pejabat, Pembantu Pengajar dan PTPO merangkumi tugas menyemak dan mengeluarkan peringatan kepada setiap pensyarah yang mempunyai fail tidak lengkap. 	

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
			<p>Ada fakulti yang memberi tanggungjawab mengemaskini fail kursus pensyarah kepada setiap Pembantu Tadbir (PT/PO) di jabatan;</p> <p>iii. membentangkan status penyelenggaraan/ semakan fail di dalam Mesyuarat Jabatan atau Fakulti;</p> <p>iv. melaksanakan bengkel khas untuk semakan fail kursus;</p> <p>v. mengedarkan senarai semak kepada setiap Ketua Jabatan agar mematuhi garis panduan (1 kali semakan dalam 3 fasa);</p> <p>vi. memasukkan garis panduan tentang pemantauan fail kursus di dalam kalendar akademik pensyarah beserta minggu dan tarikh;</p> <p>vii. Ketua Jabatan melaksanakan pemantauan akhir (staf pejabat TDA sebagai penyelaras / Urus setia);</p> <p>viii. melaksanakan Audit Gerak Gempur setiap semester; dan</p> <p>ix. mengedarkan log pemantauan kepada jabatan untuk pemantauan dan pembentangan dalam Mesyuarat Jabatan/Fakulti;</p>	

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
		<p>ii. meminta Ketua PTJ menentukan kaedah pengurusan fail kursus dan membuat pemantauan dengan lebih berkesan.</p>	<p><u>Maklum balas Ketua PTJ dan TWP:</u></p> <p><u>Fakulti Ekologi Manusia :</u> Pemantauan fail kursus dibuat diperingkat jabatan iaitu peringatan semakan fail kursus oleh Pejabat TDAA kepada jabatan. Seorang staf iaitu PA atau PTPO jabatan telah ditugaskan untuk membantu dalam urusan melengkapkan fail kursus.</p> <p><u>Fakulti Sains dan Teknologi Makanan (FSTM):</u> Fail kursus adalah di bawah jabatan berkenaan dan Pejabat TDAHEP membuat pemantauan fail tersebut sebanyak 2 kali sesemester (minggu ke-8/9/10 & ke-14).</p> <p><u>Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (FEP) :</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Penggunaan fail pendua bermula pada semester 1 2015/2016. Fail pendua tersebut akan disimpan di bilik pensyarah untuk memudahkan pensyarah menyimpan dokumen berkaitan. Pada pertengahan dan akhir semester, pensyarah akan memindahkan dokumen dalam fail pendua ke fail utama yang disimpan di jabatan. 2) Staf Jabatan akan melaksanakan Gerak Gempur Fail Kursus sebanyak 2 kali setiap semester (pada pertengahan semester dan selepas peperiksaan akhir). 	<p>Makluman</p>

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
			<p><u>Fakulti Kejuruteraan (FK) :</u> Pemantauan Fail Kursus dilaksanakan 3 kali pada setiap Semester iaitu pada Minggu Ke-8-9, 13-15 dan 18-21 oleh pegawai yang diberi tanggungjawab. Laporan hasil pemantauan berkenaan akan dihantar ke semua jabatan untuk tindakan pembedulan.</p> <p><u>Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul (FBSB) :</u> Rekod kualiti telah dimasukkan ke dalam fail pengajaran Semester Pertama 2015/2016. Pemantauan Fail Pengajaran pada Minggu ke 8-9, 13-15 dan 18-20. Laporan pemantauan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Fakulti semasa.</p> <p><u>Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK) :</u> Fakulti telah bersetuju mengadakan pemantauan dengan lebih berkesan iaitu, pemantauan akan dibuat oleh penyelaras ISO Jabatan. Satu senarai semak akan disediakan semasa proses penyemakan fail dan pemantauan akan dibuat pada minggu ke-7 dan minggu ke-15. Sekiranya terdapat dalam kalangan pensyarah yang masih tegar, fail kursus yang masih kosong akan dimaklumkan dalam mesyuarat Jabatan dan Fakulti.</p> <p><u>Fakulti Perhutanan :</u> (a) Fakulti menjalankan pemantauan bagi fail kursus/pengajaran dan pembelajaran mengikut tempoh yang ditetapkan oleh MSKP Ke-4</p>	

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
			<p>(Prasiswazah) ; iaitu bermula pada minggu ke-3, dan diteruskan dengan semakan pada minggu ke 8-9; 13-15; dan 18-20.</p> <p>(b) Bagi memastikan pemantauan fail dengan berkesan, setiap jabatan telah menubuhkan Jawatankuasa Semakan Fail, dan Ketua Jabatan akan melaporkan hasil semakan fail dalam Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti.</p> <p><u>Maklum balas Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) :</u></p> <p>(a) Melaksanakan Audit Gerak Gempur setiap semester.</p> <p>(b) Pejabat TDA/Jabatan membuat pemantauan fail sebanyak 2 kali untuk 1 semester.</p> <p>(c) Memberi peringatan di email kepada semua staf FPSK 2 kali untuk 1 semester.</p>	

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN	TINDAKAN/MAKLUMAN
2.	5.3.2 5.3.2.2	<p>Penemuan Audit EMS Audit Dalaman EMS 2015</p> <p>Mesyuarat : (f) mengambil perhatian isu pembelian bahan kimia secara berlebihan. Mesyuarat mencadangkan pembelian bahan kimia secara berpusat.</p>	<p><u>Maklum balas Pejabat Bursar :</u> Perolehan Sistem E-Stok (alat tulis dan bahan kimia) telah diluluskan oleh Jawatankuasa Sebutharga Universiti pada 20/8/2015.</p> <p>Sistem e-Stok (alat tulis) telah dilaksanakan dan digunapakai oleh PTJ mulai Mac 2016 manakala bagi sistem e-Stok (bahan kimia), Bahagian Pengurusan Aset masih dalam perbincangan dengan pihak syarikat.</p> <p>Dengan adanya sistem ini, pembelian dan pengeluaran bahan kimia dapat di kawal oleh PTJ yang berkenaan.</p>	<p>Makluman / Tindakan: Pejabat Bursar & Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan</p>
3.	5.3.2.2	<p>(g) mengambil perhatian sekiranya penutupan NCR memerlukan peruntukan bajet dan dikategori sebagai 'must have' maka peruntukan perlu disediakan.</p>	<p><u>Maklum balas Ketua PTJ :</u></p> <p><u>Fakulti Sains dan Teknologi Makanan (FSTM):</u> Pihak FSTM ada mengemukakan permohonan peruntukan kepada pihak Pejabat Bursar untuk pemasangan 'eye wash & emergency shower' di 12 makmal di FSTM melalui surat rujukan UPM/FSTM/400-4 bertarikh 21 Ogos 2014.</p> <p><u>Fakulti Kejuruteraan (FK) :</u> Telah dilaksanakan.</p>	<p>Makluman</p>

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
			<p><u>Fakulti Perhutanan :</u> Jawatankuasa Penentukuran Fakulti sentiasa menghubungi Pejabat TNC (P&I) untuk mendapatkan bantuan kewangan dalam kes NCR penentukuran peralatan '<i>must have</i>'.</p> <p><u>Fakulti Perubatan Veterinar :</u> Tidak memerlukan peruntukan tambahan untuk penutupan NCR.</p> <p><u>Fakulti Pertanian:</u> Telah menyediakan anggaran kos pemasangan <i>safety shower and eyewash</i>.</p> <p><u>Maklum balas Pejabat Bursar :</u> Pejabat Bursar sedang melihat keperluan pemasangan 'eye wash & emergency shower' secara menyeluruh di PTJ beserta implikasi kewangan. Perbincangan dengan pihak Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan akan diadakan dalam masa terdekat.</p> <p>Peruntukan penyelenggaraan telah disediakan. Pihak fakulti perlu membuat keutamaan ke atas keperluan perbelanjaan di PTJ.</p>	<p>Tindakan: Pejabat Bursar & Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan</p>

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN	TINDAKAN/MAKLUMAN
4.	5.3.2.3	<p>Penilaian Kepatuhan dengan Keperluan Perundangan dan Keperluan Lain</p> <p>Mesyuarat : (b) mengambil perhatian berkenaan status penerimaan laporan pemeriksaan/pemantauan Objektif dan Sasaran EMS bagi tahun 2014 kecuali laporan pengendalian bahan beracun dari Taman Pertanian Universiti. Mesyuarat dimaklumkan status laporan adalah hanya menerima <i>cover letter</i> dari Institut Latihan Pengembangan Pertanian kepada Pengarah Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman, Jabatan Pertanian yang memaklumkan telah menjalankan audit di Unit Sayuran, Seksyen Tanaman, Taman Pertanian Universiti (TPU) UPM. Dimaklumkan juga sesalinan laporan audit tersebut belum diserahkan kepada UPM. Mesyuarat meminta TPU mengambil tindakan selanjutnya berhubung status tersebut.</p>	<p>Maklum balas Taman Pertanian Universiti : Status Laporan Pemeriksaan / Pemantauan bagi tahun 2014 yang mana pihak TPU telahpun menerima pensijilan semula MyGAP, Unit Sayuran, Seksyen Tanaman (sah laku sehingga 31 Mei 2017). Bagi tahun 2015, pihak TPU telahpun membangunkan kaedah baharu bagi pemantauan objektif dan sasaran EMS berpandukan Prosedur Pengendalian Bahan Beracun yang terkini. Laporan Pemantauan bagi inventori dan penyimpanan bahan beracun untuk Q2 telahpun dimajukan ke Jawatankuasa Penilaian Kepatuhan (JKPK), Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) MS ISO 14001:2004 pada 14 Ogos 2015.</p>	Makluman
5.	5.4.2	<p>Kajian Kepuasan Pelanggan</p> <p>Mesyuarat : (c) mengambil perhatian soalan Kajian Kepuasan Pelanggan bagi kategori Pascasiswazah perlu lebih spesifik kepada siswazah dan hendaklah disediakan dalam dwibahasa;</p>	<p>Maklum balas Pejabat Naib Canselor : Kajian Kepuasan Pelanggan bagi skop Pascasiswazah telah dipinda mengikut keperluan pemilik proses dan dikuat kuasakan pada 5 Jun 2016.</p>	Makluman

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN	TINDAKAN/MAKLUMAN
6.	5.4.2	(d) mengambil perhatian peratusan pencapaian Indeks Kepuasan Pelanggan bagi proses Pascasiswazah yang mana penilaian paling rendah adalah kualiti sumber iaitu purata min adalah 3.53. Sehubungan itu, kualiti sumber perlu dipertingkatkan mengikut keperluan bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan memenuhi ekspektasi pelanggan.	<p>Maklum balas Sekolah Pengajian Siswazah :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pada tahun 2015, peruntukan sebanyak RM500 ribu telah disediakan sebagai bantuan bagi membolehkan lebih ramai pelajar siswazah menyertai seminar di luar negara. • Mulai tahun 2016, Jawatankuasa Pemilih Bantuan Kewangan Menghadiri Seminar juga telah melonggarkan syarat permohonan di mana pemohon dibenarkan menghantar permohonan sekurang-kurangnya 1 bulan sebelum tarikh seminar berbanding tempoh 2 bulan pada tahun sebelumnya. • Pada 2 Jun 2016, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) bersama Sekolah Pengajian Siswazah telah menganjurkan satu bengkel bertajuk "UPM as the University of Choice". Salah satu perkara yang dibincangkan ialah berkenaan penambahbaikan pada sumber yang disediakan bagi menyediakan persekitaran yang kondusif untuk pelajar siswazah menjalankan penyelidikan. 	Makluman

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
7.	5.7	<p>Laporan Semakan Pencapaian Objektif & Sasaran Alam Sekitar</p> <p>Mesyuarat :</p> <p>(c) mengambil perhatian tindakan pembedahan yang telah dikenalpasti bagi objektif yang tidak mencapai sasaran iaitu:</p> <p>i. Penjimatan tenaga elektrik; dan</p>	<p><u>Maklum balas Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset :</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Objektif Kualiti bagi penjimatan elektrik adalah sebanyak 10%. Nilai ini adalah untuk keseluruhan penjimatan satu kampus (85 PTJ). 2. Pengukuran untuk skop EMS (Pembelajaran) hanya terlibat sebahagian dari 18 PTJ sahaja dan menjadi kesukaran mendapat nilai sebenar untuk penjimatan dalam skop penjimatan elektrik. 3. Untuk tahun 2015 hanya 10 PTJ sahaja yang menghantar laporan berbanding 18 PTJ sahaja. Manakala 2016, 4 PTJ menghantar laporan dari 18 PTJ. 4. Penjimatan yang diperolehi setiap tahun adalah berdasarkan aktiviti penjimatan oleh semua PTJ di UPM dan juga aktiviti yang melibatkan kos umpamanya penukaran pemasangan yang jimat tenaga. 	<p>Makluman</p>

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN	TINDAKAN/MAKLUMAN
		ii. Pengendalian bahan beracun mengikut peraturan dan perundangan yang ditetapkan	<u>Maklum balas Taman Pertanian Universiti :</u> Laporan Pemantauan bagi inventori dan penyimpanan bahan beracun untuk Q2, 2015 telahpun dimajukan ke Jawatankuasa Penilaian Kepatuhan (JKPK), Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) MS ISO 14001:2004 pada 14 Ogos 2015.	Makluman
8.	5.7	(d) mengambil perhatian objektif pengendalian bahan kimia mengikut amalan terbaik melibatkan 11 (sebelas) PTJ yang terdiri daripada 347 (tiga ratus empat puluh tujuh) makmal kimia. Walau bagaimanapun, analisis yang dilaporkan hanya melibatkan empat (4) PTJ iaitu Fakulti dan Teknologi Makanan (FSTM), Fakulti Perubatan Veterinar (FPV), Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul (FBSB), dan Pusat Asasi Sains Pertanian (PASP). Mesyuarat meminta PTJ yang tidak tersenarai untuk menghantar analisis makmal SS02 kepada Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (PPKKP) bagi tujuan analisis objektif alam sekitar.	<u>Maklum balas PTJ berkaitan (Kecuali FSTM, FPV, FBSB dan PASP):</u> <u>Fakulti Kejuruteraan (FK) :</u> Analisis makmal melalui borang SS02 telah dimansuhkan melalui kuasa dokumen SPK UPM pada 11 Ogos 2015. Justeru sebagai alternatif, JKPP PTJ akan melaksanakan Pemeriksaan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan PTJ sekurang-kurangnya sekali setahun untuk semua makmal/pejabat di Fakulti Kejuruteraan. <u>Fakulti Perhutanan :</u> TWP fakulti telah mengarahkan Setiausaha JKPP/Pegawai Sains fakulti supaya membuat pemantauan berkala (4 kali setahun) dengan menggunakan Senarai Semak Pemeriksaan Pengurusan & Keselamatan Makmal/Bengkel (SOK/LAB/SS02/PKM)	Makluman

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
			<p>Nota: Mohon Peneraju Proses memasukkan perkara ini dalam Dokumen SPK, kerana masih belum ada arahan ini dalam Dokumen SPK.</p> <p><u>Maklum balas Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) :</u> Analisis pemantauan berkala ke atas makmal di bawah pengendalian bahan kimia mengikut amalan terbaik bagi FPSK telah dilaksanakan dengan menggunakan kaedah baru iaitu 1 kali setahun bagi setiap makmal tetapi mengikut giliran secara berkala sebanyak 4 kali setahun pada bulan Februari, Mei, Julai dan September bermula pada Oktober 2015 atas arahan PPKKP. Laporan analisis tersebut telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan FPSK.</p>	

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN	TINDAKAN/MAKLUMAN
9.	5.8 5.8.1	<p>Status Tindakan Pencegahan dan Tindakan Pembedulan</p> <p>Status Tindakan Pencegahan</p> <p>Mesyuarat: (a) - (iii) mengambil maklum perhatian laporan keberkesanan tindakan pencegahan akan dilihat pada Mesyuarat Jawatankuasa ISO UPM (JKISO).</p>	<p><u>Maklum balas Pusat Jaminan Kualiti :</u> Status Tindakan Pencegahan bagi tempoh Jun 2015 – Jun 2016 akan dibincang dalam Mesyuarat Jkuasa ISO, Ogos 2016, bersekali dengan Laporan Pencapaian Pelan Fungsian Peringkat Fungsian dan Aras Laporan Pencapaian Objektif EMS.</p>	<p>Makluman</p>
10.	5.8.2	<p>Status Tindakan Pembedulan</p> <p>Mesyuarat: (a) – (iii) mengambil maklum perhatian laporan keberkesanan tindakan pembedulan akan dilihat pada Mesyuarat Jawatankuasa ISO UPM (JKISO).</p>	<p><u>Maklum balas Bahagian Pengurusan Kualiti :</u> Status Tindakan Pembedulan bagi tempoh Jun 2015 – Jun 2016 akan dibincang dalam Mesyuarat Jkuasa ISO, Ogos 2016, bersekali dengan Laporan Pencapaian Pelan Fungsian Peringkat Fungsian dan Aras Laporan Pencapaian Objektif EMS.</p>	<p>Makluman</p>

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN	TINDAKAN/MAKLUMAN
11.	5.9	<p>Perubahan yang Memberi Kesan kepada Sistem Pengurusan Kualiti</p> <p>Mesyuarat :</p> <p>(c) dimaklumkan bahawa lima (5) perubahan yang memberi kesan kepada Sistem Pengurusan Kualiti yang dilaporkan masih dalam proses tindakan pelaksanaan, iaitu:</p> <p>i. Garis Panduan Pelantikan Penolong Penyelidik, Pembantu Penyelidik (Pentadbiran Penyelidik) dan Siswazah Penyelidik Universiti Putra Malaysia;</p> <p>ii. penambahbaikan Syarat Lantikan, KPI dan Syarat Perkhidmatan Felo Penyelidik;</p> <p>iii. membangunkan sistem permohonan dan pengurusan jawatan Pasca Doktor/ Felo Penyelidik/ Felo Perunding/ Penolong Penyelidik/ Pembantu Penyelidik;</p>	<p><u>Maklum balas Pejabat TNC PI :</u> Telah lulus Jawatankuasa Universiti (JPU) dan dalam proses permohonan kelulusan Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK) dan telah diluluskan LPU. Tarikh penguatkuasaan Garis Panduan pada 1 September 2015</p> <p><u>Maklum balas Pejabat TNC PI :</u> Kertas Cadangan dimajukan kepada Jawatankuasa Pemilih (Penyelidikan) dan telah dikemukakan kepada Mesyuarat JPU Mac 2015. Jemaah Institut akan menambahbaik KPI berdasarkan pencapaian semasa felo penyelidik dan ketetapan dalam audit MyRA. KPI felo penyelidik yang diluluskan adalah melalui kelulusan Senat Universiti.</p> <p><u>Maklum balas Pejabat TNC PI :</u> Pembangunan sistem telah selesai bagi <i>sessi user acceptance test</i> (UET) dan akan dilaksanakan secara berperingkat (peringkat 1 hanya 6 PTJ) iaitu:</p> <p>i. Fakulti pertanian</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
		<p>iv. menaiktaraf Sistem UPMIP (Intellectual Property); dan</p> <p>v. projek Lean bagi Sistem Permohonan Cuti Belajar</p>	<p>ii. Fakulti Kejuruteraan iii. Fakulti Sains iv. Institut Biosains v. Institut Teknologi Maju vi. Institut Pertanian Tropika</p> <p><u>Maklum balas Putra Science Park :</u> Sistem telah dinaiktaraf dan sedia untuk digunakan sejak Julai 2015</p> <p><u>Maklum balas Pejabat Pendaftar :</u> Memberi fokus dan keutamaan kepada menambahbaik bahagian pemantauan pegawai cuti belajar iaitu salah satu modul di dalam Sistem Pengurusan Cuti Belajar memandangkan bahagian ini lebih kritikal. Perbincangan awal dengan pihak iDEC telah dilakukan dan dijangka bahagian pemantauan ini dapat digunakan pada akhir 2016. Seksyen Cuti Belajar dalam proses melengkapkan <i>database</i> emel penyelia kepada semua pegawai cuti belajar.</p>	<p style="text-align: center;">Makluman</p> <p style="text-align: center;">Tindakan: Pejabat Pendaftar</p>

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN	TINDAKAN/MAKLUMAN
12.	5.10 5.10.1	<p>Perubahan yang Memberi Kesan kepada Sistem Pengurusan Alam Sekitar</p> <p>Daftar Undang-Undang</p> <p>Mesyuarat: (b) mengambil perhatian perubahan yang sedang dilaksanakan iaitu membina senarai semak ("Check Points") untuk kegunaan ahli Jawatankuasa Penilaian Kepatuhan (JKPK) berdasarkan Daftar Undang-Undang yang memberi kesan memudahkan ahli JKPK membuat penilaian kepatuhan terhadap aktiviti dan laporan yang dikemukakan oleh peneraju proses.</p>	<p><u>Maklum balas Pejabat Penasihat Undang-Undang :</u></p> <p>Senarai semak ("Check Points") untuk kegunaan ahli Jawatankuasa Penilaian Kepatuhan (JKPK) berdasarkan Daftar Undang-Undang dibina berperingkat mengikut fasa untuk memudahkan ahli JKPK membuat penilaian kepatuhan terhadap aktiviti dan laporan yang dikemukakan oleh peneraju proses. "Check Point on Scheduled Waste" dan "Check Point on Use & Standard of Exposure of Chemical Hazardous to Health" telah digunakan oleh ahli JKPK untuk menilai laporan pemantauan sisa terjadual dan pengurusan bahan kimia.</p>	<p>Makluman</p>

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN	TINDAKAN/MAKLUMAN
13.	5.11	<p>Peluang Penambahbaikan</p> <p>Mesyuarat: (c) meneliti dan mengambil perhatian laporan peluang penambahbaikan QMS bagi tempoh 2 Mei 2014 hingga 30 Mac 2015 adalah sebanyak empat (4) yang disenaraikan iaitu:</p> <p>i. proses kawalan rekod perlu disemak dan dikaji semula memandangkan terdapat sebilangan rekod khususnya rekod penilaian pengajaran pensyarah tidak diselenggara;</p>	<p><u>Maklum balas Pejabat TNC AA :</u> Mengeluarkan beberapa siri peringatan kepada fakulti seperti berikut :</p> <p>(a) pelaksanaan tiga (3) kali semakan dalam satu semester mengikut tempoh yang ditetapkan di dalam Mesyuarat Semakan Keberkesanan Proses Prasiswazah (MSKP PS) Ke-4 dan Ke-5 seperti berikut:</p> <p>i. pemantauan pertama: antara minggu ke-lapan (8) hingga minggu ke-sembilan (9);</p> <p>ii. pemantauan kedua: antara minggu ke-13 hingga ke-15;</p> <p>iii. pemantauan ketiga: antara minggu ke-18 hingga ke-20.</p> <p>(b) Pelaksanaan pemantauan pengajaran seperti yang disenaraikan di dalam Borang Pemantauan Pelaksanaan Pengajaran PU/PS/BR04/AJR)rancangan pengajaran dapat dikurangkan atau dicegah.</p>	<p>Makluman</p>

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
		<p>ii. Meningkatkan penglibatan (membudayakan) pegawai akademik dalam Jaringan Industri dan Masyarakat (JINM) menerusi pelaksanaan Sistem Penilaian Prestasi Tahunan Bagi Komponen Jaringan Industri dan Masyarakat yang akan dilaksanakan bermula 2015. Ini adalah untuk menjayakan Pelan Strategik UPM 2014-2020 (Matlamat ke 3: Melonjakkan Perkhidmatan Jaringan Industri dan Masyarakat);</p>	<p><u>Maklum balas Pejabat TNC JINM :</u> Bagi meningkatkan penglibatan (membudayakan) Pegawai Akademik dalam aktiviti JINM, Pejabat TNC(JINM) telah mengadakan aktiviti <i>roadshow</i> di kesemua fakulti, institut dan pusat termasuk UPMKB, sepanjang tempoh Januari hingga April 2016.</p> <p>Sistem <i>Industry and Community Relations Intelligence System</i> (ICRIS) yang telah dibangunkan dengan kerjasama Pejabat TNC (JINM) dan iDEC telah mula beroperasi pada 24 Ogos 2015 dan digunakan sepenuhnya untuk tujuan Penilaian Prestasi Tahunan Bagi Komponen Jaringan Industri dan Masyarakat eLPPT Pegawai Akademik bermula tahun 2016.</p> <p>Selain itu, Sistem ICRIS turut digunakan untuk memproses data KPI JINM bagi setiap sukuan bermula pada Sukuan 1, (Jan-Mac) 2016.</p> <p>Bagi melancarkan lagi operasi sistem ICRIS, beberapa proses penambahbaikan telah giat dijalankan bersama pihak iDEC, bagi persediaan pelaporan data KPI JINM Sukuan 2, (Apr-Jun) 2016.</p>	<p>Makluman</p>

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
		<p>iii. melonjakkan pencapaian dalam QS Ranking; dan</p>	<p><u>Maklum balas Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi :</u> Lonjakan pencapaian dalam QS University Ranking dapat dilihat dalam keputusan pencapaian QS University Ranking: Asia 2016 yang baru diumumkan pada 14 Jun 2016 yang lepas di mana UPM berjaya mencapai kedudukan ke-49 universiti terbaik Asia dengan lonjakan 17 tangga berbanding tahun lepas. Pencapaian ini juga melangkaui sasaran awal UPM untuk menjadi antara 60 universiti terbaik di Asia pada 2016. Pencapaian ini menunjukkan UPM berada dilandasan yang betul.</p> <p>Selain itu, Jawatankuasa Putra Global yang telah ditubuhkan pada 2014 bertanggungjawab merancang strategi serta memantau pelaksanaannya bagi mencapai agenda Putra Global iaitu mencapai kedudukan 200 universiti terbaik Dunia khususnya dalam QS University Ranking.</p>	<p>Makluman</p>

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
		iv. memberi perkhidmatan yang efektif kepada masyarakat dari aspek kesihatan dengan membangun Unit Pakar Kesihatan Bergerak bagi wanita, kanak-kanak dan warga emas.	<p><u>Maklum balas Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan :</u> Pihak Fakulti telah menjalankan program kesihatan secara berterusan sebagai permulaan untuk mewujudkan unit pakar kesihatan bergerak bagi wanita, kanak-kanak dan warga emas seperti Program Sinergi rakyat yang telah dijalankan di tiga lokasi di daerah Selangor dan Program Kesihatan di kampung orang asli di Kuala Selangor dan di kawasan Cheras Kuala Lumpur</p>	Makluman